

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 4/1979**

=====

PERMOHONAN BERLAPIS

Diantara sebab-sebab kelambatan mengangkat permohonan-permohonan Galian ke Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk timbangan ialah rujukan berulang-ulang ke Merinyu Kanan Galian selepas diterima permohonan-permohonan yang melapisi permohonan awal. Jika kawasan yang dipohon itu diminati ramai maka akan lebih banyak permohonan-permohonan diatas kawasan itu yang akan diterima dan dirujuk kepada Merinyu Kanan Galian untuk laporannya. Pemungut Hasil Tanah susah hendak menentukan bilakah patut permohonan itu diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan.

2. Untuk mengelakkan kelambatan-kelambatan yang sering berlaku, Pemungut-Pemungut Hasil Tanah apabila telah menerima permohonan carigali atau Permohonan Tanah Lombong hendaklah mendaftar dan membuka fail baginya, mencatat kawasan dipohon di dalam pelan khas pejabat. Selepas itu dirujuk kepada Merinyu Kanan Galian untuk memproses dan memberi laporan. Jika laporan diatas kawasan itu belum diterima oleh Pemungut Hasil Tanah daripada Merinyu Kanan Galian maka segala permohonan-permohonan di atas kawasan itu bolehlah diterima dan dirujuk kepada Merinyu Kanan Galian.

Apabila laporan Merinyu Kanan Galian telah diterima oleh Pemungut Hasil Tanah bagi permohonan-permohonan kawasan itu maka permohonan-permohonan terkemudian tidak perlu dirujuk kepada Merinyu Kanan Galian tetapi dikembalikan kepada fail asal dan disyorkan supaya ditolak di dalam satu perenggan selepas perenggan yang menyokong atau menolak permohonan awal yang berbunyi demikian:-

“Permohonan-permohonanberlapisseperti
berikut.....telahditerima
daripada penerimaan laporan Merinyu Kanan Galian dan adalah
disyorkan supaya ditolak”.

3. Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah diminta supaya mengikut peraturan di atas.

T.T
(DATUK RAJA BRIMA SULONG BIN RAJA ROME)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.SEL. 32 PT. 2(22)

SHAH ALAM
15HB MEI 1979